

Faktor-Faktor Yang Mendorong Tekanan Kerja (Stres) Di Kalangan Guru-Guru Sjk(C): Satu Kajian Di Tiga Buah Sekolah Di Wilayah Persekutuan.

Mohamad Abdillah Royo & Woo Sew Fun
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap tekanan kerja serta factor factor yang mendorong tekanan kerja di kalangan guru-guru Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) di Wilayah Persekutuan. Seramai 50 orang guru dari tiga buah sekolah telah dipilih sebagai responden kajian ini. Borang soal selidik telah digunakan dalam proses pengumpulan data dan hasilnya dianalisis dengan menggunakan perisian “ Statistical Package of the Social Sciences” (SPSS). Analisis dibuat dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif iaitu dalam konteks kekerapan, peratus dan min. Hasil dapatan dari penyelidikan ini menunjukkan bahawa guru-guru mengalami tekanan pada tahap sederhana. Dari segi faktor-faktor pula didapati semua faktor iaitu faktor karenah pelajar, faktor bebanan tugas, faktor kekangan masa dan faktor penghargaan telah memberi tahap tekanan yang sederhana kepada guru-guru yang terlibat.

Abstract: The purpose of this research was to examine the level of stress experienced by the Primary Chinese School Teachers in the Federal Territory. A total of 50 teachers from three Primary Chinese School in the Federal Territory were randomly selected as respondents. Questionnaire is used as the main instrument for the research and the data obtained were analyzed using “Statistical Package of the Social Sciences” (SPSS v15). A descriptive statistical analysis was carried out in the form of frequency, percentage and mean values. After the examination of the four main factors; which are student attitude factor, task responsibility factor, time constraint factor and the honorable factor, result shows that the Primary Chinese School Teachers from the Federal Territory were categorized under the level of moderate stressed due to their daily teaching routine.

Katakunci: guru, tahap tekanan

Pengenalan

Profesion keguruan merupakan satu bentuk perkhidmatan sosial yang sungguh mencabar. Tenaga pengajar dan pengurus pendidikan seharusnya peka dengan perkembangan terkini dalam proses kepemimpinan, pengurusan, pengelolaan sumber, dan pencapaian matlamat pendidikan (Ibrahim Ahmad Bajunid, 1995). Justeru itu, dengan pelaksanaan pelbagai-bagai reformasi dalam pendidikan sudah pasti menjadikan peranan dan tanggungjawab guru-guru menjadi lebih mencabar.

Tekanan terhadap guru memang berkecenderungan untuk menyebabkan guru berada dalam keadaan murung, mengalami tekanan jiwa, kekecewaan dan kebimbangan. Guru yang gagal mengawal diri akibat tekanan akan memberi kesan kepada perhubungan guru dengan pelajar dan juga mutu pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini seterusnya boleh menjejaskan kualiti pendidikan dan juga profesion perguruan yang seterusnya akan membantutkan usaha mewujudkan sebuah masyarakat yang mampu membawa Malaysia ke tahap kecemerlangan dan kegemilangan mutu pendidikannya. (Dr.Sapora Sipon, 2007)

Penyataan Masalah

Berdasarkan masalah yang sedia wujud pengkaji ingin menjalankan kajian ke atas tahap tekanan kerja (stres), faktor beban tugas, faktor salah laku pelajar, factor kekangan masa dan faktor penghargaan di

kalangan guru-guru SJK(C) di Kuala Lumpur. Justeru itu, tahap tekanan dan faktor-faktor yang mempengaruhinya sangat penting untuk dikaji bagi mengelakkan lebih banyak perkara buruk yang melanda institusi pendidikan negara ini.

Objektif Kajian

Secara umumnya, penyelidikan ini adalah bertujuan untuk mengkaji paras tekanan kerja dan faktor-faktor yang menyebabkan tekanan kerja di kalangan guruguru SJK(C).

Objektif khusus ini adalah untuk mengkaji :

- 1 Mengenalpasti tahap tekanan kerja di kalangan guru-guru SJK(C) di Wilayah Persekutuan.
- 2 Mengenalpasti tekanan kerja di kalangan guru-guru SJK(C) di Wilayah Persekutuan bagi faktor karenah pelajar.
- 3 Mengenalpasti tekanan kerja di kalangan guru-guru SJK(C) di Wilayah Persekutuan bagi faktor beban tugas.
- 4 Mengenalpasti tekanan kerja di kalangan guru-guru SJK(C) di Wilayah Persekutuan bagi faktor kekangan masa.
- 5 Mengenalpasti tekanan kerja di kalangan guru-guru SJK(C) di Wilayah Persekutuan bagi faktor penghargaan.

Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa batasan. Pertama responden kajian ini hanya terbatas kepada guru-guru tetap yang sedang mengajar SJK(C) di Bandar Kuala Lumpur sahaja.

Kedua, responden kajian ini hanya terbatas kepada guru-guru tetap yang mempunyai pengalaman mengajar selama sepuluh tahun ke atas.

Ketiga, dapatan kajian ini tidak digeneralisasi kepada seluruh warga pendidikan dan juga tidak dirumuskan kepada semua guru di Malaysia. Ini disebabkan faktor-faktor yang menyebabkan tekanan kerja guru adalah berbeza di kalangan individu, sekolah dan kawasan.

Keempat, hasil dapatan kajian ini adalah bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan responden ketika menjawab soalan yang dikemukakan. Sehubungan dengan itu, pengkaji mengandaikan semua maklumat yang diberikan oleh responden adalah tepat. Keesahan dan kebolehpercayaan kajian tersebut juga adalah bersandar kepada andaian ini.

Kepentingan Kajian

Tujuan utama kajian ini ialah mengenalpasti akan faktor-faktor tekanan kerja dan mengkaji paras tekanan kerja di kalangan guru-guru SJK(C) di Bandar Kuala Lumpur. Diharapkan hasil kerja kajian ini dapat menjadi panduan berguna kepada pihak-pihak tertentu.

Pentadbir Sekolah

Corak pentadbiran sesebuah sekolah juga mempengaruhi tekanan kerja yang dialami oleh guru-guru, maka kajian yang dikendalikan ini dapat akan membantu pihak pentadbir memastikan golongan guru yang tertekan. Masalah kajian ini dapat akan membantu pihak sekolah memberi pertimbangan kepada guru-guru.

Guru-guru

Tekanan juga amat membimbangkan golongan pendidik. Diharapkan kajian ini akan menjadi panduan berguna bagi para guru yang memikul tanggungan berat menyempurnakan beban tugasnya. Malahan diharapkan, guru-guru yang sering tertekan dapat menjadi kajian ini sebagai panduan untuk mengelakkan penurunan prestasi diri mereka. Diharapkan, dengan berpeluang membaca kajian ini guru-guru SJK(C) berpeluang membebaskan diri mereka daripada tekanan dan memperlihatkan khidmat cemerlang yang dapat memanfaatkan semua pihak.

Punca tekanan dan tahap tekanan kerja di kalangan guru SJK(C) di Bandar Kuala Lumpur. Segala maklumat yang diperolehi daripada kajian ini mempunyai kepentingan yang tersendiri di samping dapat memperbaiki kelemahan yang sedia anda.

Oleh itu, diharap hasil kajian ini dapat meningkatkan kesedaran pihak berkepentingan seperti pihak pentadbiran sekolah, Jabatan Pendidikan dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengadakan program dan aktiviti yang dapat mengatasi masalah tekanan yang dihadapi.

Diharapkan juga hasil kajian ini dapat menambahkan literature kajian, yang mendalam dan bidang akademik mengenai tekanan kerja guru di Malaysia. Ini dapat membantu pengkaji-pengkaji yang lain menjalankan kajian dengan lebih sempurna dan lengkap.

Akhir sekali diharap dapatan kajian ini dapat dijadikan sebahagian panduan kepada semua pihak yang berkepentingan agar lebih peka dan dapat mengatur strategi tertentu untuk mengurangkan tekanan kerja di kalangan guru-guru untuk mengelakkan mengurangkan dan mengatasi tekanan kerja yang mereka hadapi.

Metodologi

Populasi Kajian

Populasi Kajian merujuk kepada kelompok sasaran aktiviti kajian dijalankan. Menurut Ahmad Mahdzan Ayob (1992) populasi ialah sekumpulan unsure atau benda (sama ada bernyawa atau tidak) yang menjadi subjek pada kajian.

Dalam kajian ini, populasi kajian terdiri daripada semua guru terlatih yang mengajar di tiga buah SJK(C) di Wilayah Persekutuan yang telah mengajar selama sepuluh tahun ke atas. Jadual 1 menunjukkan populasi yang terdiri daripada 3 buah sekolah yang akan dipilih untuk menjalankan kajian ini.

Jadual 1: Populasi Guru dari tiga buah SJK(C) dalam Wilayah Persekutuan.

Nama Sekolah	Jumlah Populasi	Bilangan Sampel
SJK (C) Kuen Cheng 1	15	15
SJK (C) Chung Kwok	20	20
SJK (C) Kuen Cheng 2	15	15
Jumlah	50	50

(Sumber: Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan, 2007)

Sampel Kajian

Dalam kajian ini, jumlah sample kajian ditentukan dengan jumlah responden yang mengajar di tiga buah sekolah yang dipilih dan mempunyai pengalaman mengajar selama sepuluh tahun ke atas. Populasi kajian ini terdiri daripada 50 orang guru yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi sepuluh tahun di tiga buah sekolah yang dipilih.

Instrumentasi

Alat kajian yang akan digunakan untuk mengumpul maklumat ialah dengan cara borang soal selidik. Satu set borang soal selidik diberikan kepada responden kajian untuk mendapat maklumat atau data yang diperlukan bagi menjawab persoalan kajian. Borang soal selidik ini mengandungi tiga bahagian yang mesti dijawab oleh responden. Alat kajian yang akan digunakan adalah soal selidik yang terbahagikan kepada bahagian A, B dan C sahaja.

Bahagian A: Latar Belakang Responden

Bahagian A mengandungi soalan tentang latar belakang responden factor demografi guru iaitu jantina, umur, status perkahwinan, kelulusan akademik dan pengalaman mengajar. Para responden dikehendaki menandakan (_) pada ruang yang disediakan.

Bahagian B: Tahap Tekanan Kerja

Bab ini terdiri daripada soalan-soalan untuk menentukan paras tekanan kerja yang dialami oleh responden. Terdapat 20 item soal selidik dalam bahagian ini. Responden diminta menandakan dan membulatkan nombor yang mewakili maklum balas bagi setiap pernyataan yang dikemukakan berdasarkan skala likert lima mata.

Bahagian C: Faktor-faktor Tekanan Kerja Guru

Bab ini ialah soal selidik "Teacher Stress Inventory" yang digunakan oleh Boyle, Borg, Falzon & Baglioni (1995) dan telah diubahsuai oleh Mokhtar (1998) telah digunakan untuk menentukan faktor-faktor yang menyebabkan tekanan kerja di kalangan guru.

Jadual 2: Taburan Item Soal Selidik

Sumber Tekanan Kerja	No Item
Karenah Pelajar	1, 2, 3, 4, 5
Bebanan Tugas	6, 7, 8, 9, 10
Kekangan Masa	11, 12, 13, 14, 15
Penghargaan	16, 17, 18, 19, 20
Jumlah soalan :	20

Jadual 3: Soalan item berkaitan dengan faktor-faktor berikut

Kenyataan	Ringkasan	Skor
Tidak ada tekanan (No Stress)	T	1
Tekanan rendah (Mild Stress)	TR	2
Tekanan sederhana (Moderate Stress)	TS	3
Tekanan tinggi (Much Stress)	TT	4
Tekanan sangat tinggi (Extreme Stress)	TST	5

Kajian Rintis

Kajian rintis ini dijalankan bertujuan untuk menguji keesahan dan kebolehpercayaan item-item dalam soal selidik yang dipilih sebelum kajian dijalankan. Selain itu juga, kajian rintis ini berguna untuk mengkaji masalah-masalah yang akan timbul sewaktu proses soal selidik berjalan.

Selepas item-item soal selidik disahkan oleh pensyarah yang berkenaan, maka kajian rintis dijalankan ke atas 20 guru yang mengajar di SJK(C) di Segambut, Kuala Lumpur iaitu populasi yang bukan terdiri daripada sample kajian untuk menentukan ketekalan alat ukur yang digunakan. Soal selidik kajian rintis diproses dengan menggunakan perisian komputer "*Statistical Package for the Social Sciences*" (SPSS), bagi mengira kebolehpercayaannya.

Setelah dianalisis menggunakan perisian '*Statistical Package for the Social Sciences*' (SPSS) hasil indeks Alpha adalah 0.784. Menurut Mohd Najib (1999), soal selidik mempunyai indeks kebolehpercayaan dan keesahan lebih 0.7 adalah boleh digunakan sebagai alat ukur sesuatu kajian. Ini menunjukkan soal selidik ini boleh digunakan.

Keputusan

Analisa Mengikut Persoalan 1: Apakah tahap tekanan kerja di kalangan guru-guru SJK(C) di Kuala Lumpur?

Jadual 4 menunjukkan taburan kekerapan, peratus dan min bagi Persoalan 1: Apakah tahap tekanan kerja di kalangan guru-guru SJK(C) di Kuala Lumpur? Nilai min keseluruhan yang diperolehi adalah 2.348.

Jadual 4: Analisis Frekuensi, Peratusan dan Min

Bil	Pernyataan	TP		J		KK		AK		K		Min
		K	%	K	%	K	%	K	%	K	%	
1	Saya mempunyai pemikiran negatif dan perasaan tertekan yang berpanjangan akibat dari masalah yang berkaitan.	7	14	19	38	13	26	8	16	3	6	2.62 **
2	Saya menghadapi masalah dalam membuat keputusan.	5	10	21	42	22	44	2	4	0	0	2.42 **
3	Kecekapan dalam pekerjaan berkurangan berbanding dengan dahulu.	9	18	17	34	21	42	3	6	0	0	2.36 **
4	Kualiti kerja saya telah merosot.	14	28	18	36	14	28	3	6	1	2	2.18 *
5	Saya berasa sangat letih dari segi rohani, emosi dan fizikal selepas kerja.	1	2	7	14	22	44	16	32	4	8	3.30 **
6	Saya kerap menghadapi selesema dan jangkitan virus pada hari	9	18	22	44	13	26	4	8	2	4	2.36 **

	berkerja.											
7	Saya berpendapat bahawa perubah tabiat makanan (makan berlebihan/ kurang) disebabkan masalah yang berkaitan dengan kerja.	13	26	15	30	14	28	6	12	2	4	2.38 **
8	Saya menggunakan ubat untuk mengurangkan perasaan cemas dan bimbingan disebabkan oleh kerja.	41	82	2	4	6	12	1	2	0	0	1.34 *
9	Saya berpendapat bahawa peningkatan kelalaian dalam menjalankan tugas meningkat.	9	18	21	42	12	24	8	16	0	0	2.38 **
10	Saya kerap berasa bosan semasa berkerja.	6	12	20	40	22	44	2	4	0	0	2.40 **
11	Saya berpendapat bahawa tidak peka (tidak sensitif) terhadap perasaan orang lain di tempat kerja.	4	8	21	42	22	44	3	6	0	0	2.48 **
12	Saya berpendapat bahawa hubungan yang tegang dengan majikan, rakan sekerja, kawan dan ahli keluarga.	13	26	22	44	8	16	7	14	0	0	2.18 *

13	Saya kurang tumpuan semasa melaksanakan sesuatu tugasan.	10	20	26	52	12	24	2	4	0	0	2.12 *
14	Saya berasa ketidakpuasan terhadap kerja.	5	10	22	44	16	32	6	12	1	2	2.52 **
15	Saya kerap muram, cepat marah dan tidak sabar semasa berkerja.	4	8	21	42	18	36	5	10	2	4	2.60 **
16	Saya kurang ataupun tiada semangat waktu berkerja.	14	28	23	46	10	20	3	6	0	0	2.04 *
17	Saya berasa letih yang berpanjangan di tempat kerja walaupun selepas cukup tidur.	13	26	14	28	13	26	6	12	4	8	2.48 **
18	Saya kerap berasa kecewa pada waktu pejabat (semasa berkerja).	16	32	19	38	10	20	4	8	1	2	2.10 *
19	Saya keinginan untuk menarik diri dari tuntutan pekerjaan.	13	26	17	34	15	30	3	6	2	4	2.28 *
20	Saya kerap berfikir untuk meletak jawatan ataupun bertukar tempat kerja.	11	22	16	32	16	32	5	10	2	4	2.42 **
Purata		11	21.7	18	36.3	15	29.9	5	9.7	1	2.4	2.348 **

Nota: Tahap Stres * : Rendah
** : Sederhana
*** : Tinggi

Berdasarkan Jadual 4, Item 1 hingga item 20 dalam bahagian ini, adalah mengukur tahap tekanan kerja di kalangan guru-guru SJK(C) di Wilayah Persekutuan. Item yang mendapat skor min yang tertinggi adalah item 5 berasa sangat letih dari segi rohani, emosi dan fizikal selepas kerja (3.30), item satu mempunyai pemikiran negatif dan perasaan tertekan yang berpanjangan akibat dari masalah yang berkaitan (2.62) dan item ketiga tinggi ialah item 15 (2.60) yang menyatakan kerap muram, cepat marah dan tidak sabar semasa berkerja. Manakala item yang mendapat skor min terendah ialah menggunakan ubat untuk mengurangkan perasaan cemas dan bimbang disebabkan oleh kerja iaitu skor min 1.34. Item 16 (2.04) kurang ataupun tiada semangat waktu berkerja merupakan min yang kedua tinggi, manakala min ketiga tinggi ialah item 13 (2.12) kurang tumpuan semasa melaksanakan sesuatu tugasan.

Analisis Keseluruhan Tahap Stres

Jadual 5: Analisis Pengelasan Skor Min Dan Tahap Penilaian.

Pengelasan Skor Min	Tahap Penilaian
1.00 - 2.33	Rendah
2.34 - 3.67	Sederhana
3.68 - 5.00	Tinggi

(Sumber: Jawatankuasa Pembangunan Diri Pelajar, UTM (1999/2000))

Terdapat tiga tahap tekanan yang dialami oleh responden iaitu tahap tinggi, sederhana dan rendah. Ketiga-tiga tahap ini dikira berdasarkan kepada Jawatankuasa Pembangunan Diri Pelajar, UTM (1999/2000). Skor 1 hingga 2.33 dianggapkan tahap tekanan rendah, skor 2.34 hingga 3.67 pula dianggap tahap tekanan sederhana manakala skor min 3.68 hingga 5 dianggap tahap tekanan tinggi.

Perbincangan

Latar Belakang Responden

Jumlah responden bagi kajian ini adalah seramai 50 orang guru dari tiga buah SJK(C) yang terletak di Wilayah Persekutuan. Kesemua 50 set soal selidik telah dipulangkan dan kesemuanya dianalisis.

Data yang dikumpul menunjukkan majoriti responden terdiri daripada golongan guru perempuan iaitu sebanyak 90 peratus manakala responden lelaki hanya 10 peratus.

Dapatan kajian juga menunjukkan 42 peratus responden daripada jumlahresponden berumur 41 hingga 45 tahun. Ini diikuti oleh responden yang berumur lebih dari 46 tahun sebanyak 32 peratus, responden berumur antara 36 hingga 40 tahun sebanyak 20 peratus dan akhir sekali responden berumur di antara 31 hingga 35 tahun sebanyak 6 peratus.

Hasil kajian juga menunjukkan, 88 peratus daripada 50 responden adalah berkahwin sementara selebihnya 10 peratus adalah bujang. Manakala seorang daripada responden merupakan janda atau duda.

Hampir separuh daripada sampel kajian iaitu sebanyak 52 peratus adalah responden yang berkelulusan Sijil Perguruan. Ini disusuli dengan responden yang berkelulusan Diploma Perguruan iaitu sebanyak 42 peratus dan responden berkelulusan Ijazah Sarjana Muda sebanyak 6 peratus.

Dapatan kajian juga menunjukan sebanyak 38 peratus responden mempunyai pengalaman mengajar melebihi dari 20 tahun, diikuti oleh 36 peratus dari 6 hingga 20 tahun, 22 peratus responden yang berpengalaman dari 11 hingga 15 tahun, serta hanya sebanyak 4 peratus dari 6 hingga 10 tahun.

Tahap Tekanan Kerja Responden Secara Keseluruhan

Pada keseluruhannya, tahap yang dikaji menunjukkan bahawa tekanan yang dialami oleh guru-guru dari tiga buah sekolah yang dipilih di Wilayah Persekutuan berada pada tahap tekanan sederhana iaitu pada min skor 2.348. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan guru mengalami tekanan pada tahap sederhana sahaja. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Absourie (1996) dalam Mokhtar Ahmad (1999) yang mana hasil kajiannya menunjukkan kebanyakan respondennya mengalami tekanan sederhana. Di samping itu, tekanan berasaskan faktor-faktor tekanan juga menunjukkan hasil nilai min skor dalam lingkungan 2.34-3.67 iaitu pada tahap sederhana. Hasil kajian ini juga bersepadan dengan kajian Capel dalam Cole Walker (1989). Selain itu, kajian Ahmad Shakir (1998), kajian Siti Rohani (1991) dan Siti Radziah (1982) juga mendapati bahawa kebanyakan guru yang dikaji berada pada tahap tekanan sederhana.

Pada keseluruhannya, objektif pertama yang dibina telah tercapai untuk mengetahui tahap tekanan kerja di kalangan guru-guru SJK(C) di Wilayah Persekutuan iaitu dalam lingkungan nilai min 2.34 - 3.67 yang menyatakan tekanan sederhana.

Tahap Tekanan Guru Mengikut Kategori Faktor

Antara faktor-faktor tekanan yang dikaji untuk menentukan adakah factor tersebut yang menyebabkan tekanan kerja yang dialami oleh responden ialah factor karenah pelajar, factor beban tugas, factor kekangan masa dan factor penghargaan.

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, kesemua faktor tekanan yang dikaji berada pada tahap tekanan sederhana iaitu dalam lingkungan 2.34-3.67. Ini bermaksud kesemua faktor adalah sama-sama dominan dalam menyumbang tekanan kerja kepada semua responden. Walau bagaimanapun perbandingan antara keempat-empat faktor tekanan menunjukkan bahawa faktor kekangan masa mempunyai tahap tekanan yang tertinggi iaitu pada min skor 3.08. Diikuti dengan beban tugas (3.04), penghargaan (2.80) dan karenah pelajar (2.70). Kajian Mohamad Fauzi (1999) juga menyokong yang guru-guru sering tertekan akibat tugas-tugas luaran yang diberikan kepadanya.

Antara item-item dalam faktor karenah pelajar yang menyumbang tekanan kerja yang tinggi kepada guru-guru adalah mengendalikan pelajar-pelajar yang bermasalah disiplin. Manakala item-item beban tugas yang menekan guru-guru adalah terpaksa menyiapkan kerja sekolah di rumah. Seterusnya item-item factor kekangan masa yang menyumbangkan tekanan yang paling tinggi adalah mempunyai masa rehat yang singkat bagi para responden. Kerja-kerja kurang dihargai oleh pihak pentadbir merupakan antara item-item dari segi factor penghargaan yang paling tinggi nilai skor minnya dari segi tahap tekanan kerja guru.

Dilihat akan faktor karenah pelajar 58 peratus responden mengalami tahap tekanan dengan kadar sederhana sementara 32 peratus responden berada di tahap tekanan rendah dan hanya 10 peratus responden sahaja yang tertekan dengan kadar tinggi. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Benmansour (1998) serta Pithers dan Soden (1998) yang mendapati punca utama tekanan kerja guru adalah mengajar pelajar yang kurang bermotivasi dan menjaga disiplin pelajar. Selain itu, kajian Hart, *et al.* dalam Abel, *et al.* (1999) yang menyatakan bahawa masalah salahlaku pelajar menjadi faktor yang berterusan terhadap tekanan kerja seseorang guru. Kajian Punch dan Tuettman (1990), menyatakan faktor salah laku pelajar merupakan punca guru-guru wanita tertekan manakala kajian Ahmad Azahari (1998), mendapati bahawa masalah murid adalah punca stres yang lebih dominan. Antara aspek-aspek yang terkandung dalam bahagian ini adalah berkaitan dengan karenah pelajar yang sering menjadi penghalang dalam proses pembelajaran.

Tekanan yang disebabkan oleh beban tugas mencatat min skor 3.04. Beban tugas merujuk kepada tugas-tugas berlebihan yang diarahkan oleh pihak pentadbir. 66 peratus responden mengalami tahap tekanan kerja yang sederhana, 22 peratus responden pula tertekan tinggi dan hanya 12 peratus responden sahaja yang tertekan dengan kadar rendah. Guru-guru yang menjalankan tugas secara berlebihan mudah menjadi tertekan. Ini selaras dengan pendapat Ahmad Azahari (1998) dan Aminah (1999). Menurut Daeng Ramli (1993) golongan guru sentiasa dibebani dengan tugas-tugas yang berkaitan dan tidak berkaitan dengan bidang tugasnya.

Dilihat akan faktor kekangan masa pula, 20 peratus responden menyatakan berada di tahap tekanan rendah, 54 peratus responden tertekan sederhana dan 26 peratus responden berada di tahap tekanan tinggi. Dapatan ini selari dengan kajian Koska dan Ramasut (1985) kekurangan masa untuk menyelesaikan masalah pelajar dan masa rehat yang singkat. Selain itu, dapatan Chei (1996) juga selaras dengan kajian ini yang menyatakan jumlah kelas yang diajar agak tinggi, subjek yang banyak perlu diajar dan jumlah waktu mengajar yang tinggi.

34 peratus responden menyatakan mereka mengalami tahap tekanan yang rendah dalam faktor penghargaan, 46 peratus responden dalam tahap tekanan sederhana dan hanya 20 peratus responden berada dalam tahap tekanan tinggi. Ini disokong oleh dapatan kajian Chei (1996), di mana kurang dihargai oleh pihak pengurusan sekolah dan kurang peluang kenaikan pangkat menyebabkan golongan guru mengalami tekanan. Menurut Mohd Razali dan Abang Mat Ali (1998), corak pentadbir sememangnya menyebabkan golongan profesionalis guru mengalami tekanan. Hasil dapatan kajian mereka juga menyatakan majoriti respondennya menamakan sekolah atau pentadbir sekolah, Jabatan Pendidikan dan Kementerian Pendidikan sebagai punca yang menyebabkan guru-guru tertekan. Ini disokong oleh dapatan kajian Manthei (1998), di mana sikap pihak pentadbir yang gagal untuk memahami dan peka terhadap masalah guru menyebabkan golongan tersebut mengalami tekanan.

Rumusan

Pada keseluruhannya, tahap tekanan yang dikaji menunjukkan bahawa tekanan yang dialami oleh 50 orang responden dari tiga buah SJK(C) di Wilayah Persekutuan, mengalami tahap tekanan secara sederhana iaitu pada min skor 2.348. Kalangan responden yang mengalami tekanan sederhana adalah sebanyak 54 peratus. Sementara itu 42 peratus responden pula mengalami tekanan rendah dan bilangan responden yang bertekan secara tinggi adalah hanya sebanyak 4 peratus. Dapatan ini jelas menunjukkan yang guru-guru SJK(C) di Wilayah Persekutuan, tidak terlepas dari fenomena tekanan. Walaupun kebanyakan responden tidak mengalami tekanan pada tahap tekanan yang tinggi, tetapi situasi ini pasti akan meninggalkan kesan pada kerjaya dan diri responden berkenaan.

Di samping itu, tekanan berasaskan faktor-faktor tekanan juga menunjukkan hasil min skor dalam lingkungan 2.34-3.67 iaitu pada tahap tekanan sederhana. Antara faktor-faktor yang dikaji dalam menentukan tahap tekanan adalah karenah pelajar, beban tugas, kekangan masa dan penghargaan. Dari empat faktor yang dikaji didapati bahawa kekangan masa merupakan faktor dominan yang menyebabkan tekanan kerja. Min yang diperolehi bagi faktor kekangan masa adalah 3.08. Ini diikuti dengan faktor bebanan tugas yang mempunyai nilai min sebanyak 3.04, seterusnya faktor penghargaan merupakan penyebab tekanan kerja di tangga ketiga dengan nilai minnya sebanyak 2.80. Nilai min terendah bagi factor penyebab tekanan kerja ialah faktor karenah pelajar dengan nilai minnya sebanyak 2.79.

Sememangnya tidak dapat dinafikan yang faktor kekangan masa merupakan tahap tekanan kerja yang tertinggi dalam sebilangan besar golongan pendidik berbanding dengan faktor yang lain. Walaupun golongan pendidik sememangnya terikat dengan tugas-tugas khas profesionnya, namun mereka sering dibebani dengan tugas-tugas sampingan yang akhirnya menyebabkan diri mereka tertekan akibat kekangan masa. Manakala faktor bebanan tugas pula mencapai tahap tekanan yang kedua tinggi dan

berbeza nilai minnya agak berhampiran dengan faktor kekangan masa. Guru-guru yang menjalankan pelbagai tugas secara berlebihan juga mudah menjadi tertekan. Tekanan kerja yang serius akan terjadi di mana tidak akan berlaku budaya kerja yang positif. Ini bersesuaian dengan kajian yang dibuat oleh Kyriacou dan Sutcliffe (1978, dalam Rohani 1994 dan Ahmad Azhari (1998), mendapati punca masalah pelajaran dan beban tugas telah menyebabkan tahap tekanan di kalangan guru meningkat.

Ternyata, tekanan kerja sememangnya akan mengganggu gaya hidup dan kesejahteraan hidup seseorang insan bergelar guru. Ini seterusnya akan mengganggu prestasi kerja dan outputnya dalam bidang pendidikan yang diceburinya.

Rujukan

- Ab. Aziz Yusof (2000): *Pengurusan dan gelagat organisasi di abad ke-21*. Selangor: Prentice Hall.
- Abel, Millicent, G., Sewell and Joanne (1999). *Stress and Burnout in Rural and Urban Secondary School Teachers*. *Journal of Educational Research*. Vol.92.No.1.
- Abdullah, Deraman (2003). *Tekanan kerja guru di sebuah sekolah menengah di daerah Klang, Selangor Darul Ehsan*. Thesis (Masters). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Abouserie, R. (1996). *Stress, Coping Strategies and Job Satisfaction in University Academic Staff*. *Educational Psychology*, 16(1):49-56.
- Adam, E. (1999). Vocational teacher, Stress and Internal Characteristics. *Journal of Vocational and Technical Education*, 16 (1), 7-22.
- Ahmad Shakir (1998). *Tinjauan Tahap dan Punca Stres di kalangan Guru-guru Sekolah Menengah Negeri Perlis*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Ahmad Azhari (1998). *Tahap Dan Punca Stres di Kalangan Guru-guru yang Mengajar Kemahiran Hidup di Negeri Perlis*. Kertas Projek Ijazah Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Azahari Sarmun (1998). *Tinjauan Tahap Tekanan dan Punca stress di Kalangan Guru Sekolah Sabak Bernam*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda.
- Byrne, J.J. (1998). Teacher as hunger artist: Burnout: Its causes, effects and remedies. *Contemporary Education*, 69(2), 86-91.
- Chei, Choy Lye (1997). Tekanan kerja di kalangan guru-guru di sebuah sekolah menengah kerajaan dan sebuah sekolah menengah swasta. Kertas Projek Bachelor Sains: (Pembangunan Manusia) yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Cole, M. and Walker, S. (1989). *Teaching and Stress*. Milton Keynes and Philadelphia: Open University Press.
- Cooper, C., L. Cooper, R. D. & Eaker, L. H. (1988). *Living With Stress*. United State: Penguin Books.
- Cormarks, D. K. (2000). *Leadership Behaviors of Secondary School Principals and Teachers Satisfaction*. Unpublished Ph.D dissertation. University of New South Wales.